

# Kolokium kongsi ilmu, idea



**PENOLONG** Rektor Bahagian Akademik UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (lima, kiri) semasa sesi bergambar ramai setelah menyampaikan anugerah kepada lapan kategori anugerah kertas kerja dan pembentangan terbaik kepada para penerima.

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 22 November. - Pusat Pengajian Siswazah dengan kerjasama Kelab Siswazah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menganjurkan aktiviti ilmiah Kolokium Siswazah UNISSA 2020 yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 18 hingga 19 November lalu.

Aktiviti tersebut menampilkan

seramai 25 siswazah, iaitu lapan orang calon Doktor Falsafah dan 17 orang calon Sarjana mewakili semua fakulti dan pusat akademik di UNISSA dan 15 orang penilai yang terdiri daripada ketua-ketua program siswazah serta beberapa orang tenaga akademik UNISSA telah dilantik bagi menilai dan memberi ulasan serta nasihat terhadap kertas kerja dan pembentangan para peserta.

Aktiviti ini bertujuan untuk memantau kemajuan penulisan siswazah UNISSA, memberi peluang kepada siswazah untuk membentangkan sorotan literatur dan mempertahankan hasil-hasil kajian sebelum membentangkan *proposal* di peringkat fakulti atau pusat, membuka minda siswazah melalui pembahasan isu-isu semasa dalam pelbagai disiplin ilmu serta mewujudkan perbincangan ilmiah dan percambahan minda dalam kalangan siswazah sama ada di peringkat sarjana atau doktor falsafah.

Sepanjang pembentangan, peserta mengongsikan kertas kerja mereka yang merupakan sebahagian daripada kajian tesis atau disertasi yang sedang dijalankan mahupun dalam bentuk kertas cadangan sebelum dibentangkan di fakulti masing-masing.

Melalui kolokium ini, perkongsian ilmu, percambahan idea dapat dicapai di samping berupaya membina kemahiran mereka dalam berkomunikasi serta berani tampil di hadapan khalayak ramai sebagai latihan, khususnya bagi para siswazah dalam

peringkat awal pengajian.

Kemuncak acara program adalah penganugerahan lapan kategori anugerah kertas kerja dan pembentangan terbaik yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis iaitu Penolong Rektor Bahagian Akademik UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Awang Noureddine Chagraoui dari fakulti pengurusan dan pembangunan Islam berjaya memenangi empat anugerah iaitu Anugerah Kertas Kerja Terbaik Keseluruhan, Anugerah Pembentangan Terbaik Keseluruhan, Anugerah Kertas Kerja Terbaik (Bahasa Arab) dan Anugerah Pembentangan Terbaik (Bahasa Arab).

Manakala Kertas Kerja Terbaik (Bahasa Melayu) dan Pembentangan Terbaik (Bahasa Melayu) pula disandang oleh siswazah Fakulti Syariah dan Undang-Undang iaitu Dayang Zurairatul Zakiah binti DSS Haji Rajid, sementara Dayang Azilla Liyana binti Md Azam Zaki, siswazah Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Dayang Nurul Huda Asilah binti Haji Asli, siswazah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, masing-masing memperoleh Anugerah Kertas Kerja Terbaik (Bahasa Inggeris) dan Pembentangan Terbaik (Bahasa Inggeris).



**SESI** Perkongsian Santai atau Talkshow menampilkan pensyarah dari UNISSA, Dr. Kamaru Salam bin Yusof dan Penguasa Da'wah dan Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kashran (atas). Manakala gambar bawah, antara yang mendengarkan sesi tersebut.



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ihsan Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong

**SENGKURONG**, Ahad, 22 November. - Sebagai salah satu cara alternatif bagi memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong (MSSAS) menganjurkan sebuah

program iaitu Program Mari Memperingati Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam baru-baru ini.

Program yang diadakan di MSSAS ini dimulakan dengan Sesi Perkongsian Santai atau Talkshow yang menampilkan dua ahli panel

## Hayati sunnah Rasulallah



**SESI** kuiz turut diadakan bagi memberi peluang kepada yang hadir untuk mengenal sunnah-sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

iaitu pensyarah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Kamaru Salam bin Yusof dan Penguasa Da'wah dan Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kashran.

Talkshow yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Beliawanis Kumpulan Syababul Iman MSSAS, Siti Julaiha binti Puasa mengupas beberapa isu penting berkaitan Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara yang ditekankan adalah tentang cara terbaik menzahirkan

rasa cinta kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu bukan sahaja memperhatikan sunnah-sunnah kecil Baginda tetapi juga untuk memberi perhatian khusus kepada sunnah terbesar Baginda itu sendiri iaitu berdakwah.

Acara dimeriahkan lagi dengan sesi kuiz sebagai selingan di mana para pendengar berpeluang memenangi hadiah-hadiah yang disediakan bagi setiap soalan yang dijawab dengan betul.

Di samping itu juga, program ini menyediakan ruangan 'Love the

Prophet' yang berhasrat untuk mendidik para pengunjung untuk memahami hikmah-hikmah yang terdapat di sebalik sunnah-sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Program diharap dapat membantu para hadirin untuk mengingati Baginda Rasulallah dan seterusnya lebih bersemangat lagi untuk terus menghidupkan kecintaan kepada Baginda dengan mengamalkan segala suruhan dan meninggalkan segala yang dilarang Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.